

# Saya juga takut kepada Tuhan

## - Tee Keat

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat menyifatkan pendedahannya sebelum ini berhubung penyelewengan dalam kerja pembaikan beberapa Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Johor sebagai satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Katanya, walaupun terikat dengan prinsip Kabinet yang tidak membenarkan menteri dan timbalan menteri memberi komen terhadap kementerian lain, beliau mengakui terpaksa berbuat demikian demi menegakkan kebenaran.

"Saya memang akur dengan kod etika tapi saya tidak bercakap yang bukan-bukan atau sebarangan.

"Apa yang benar dan saya ketahui terpaksa disampaikan kerana saya juga takut kepada Tuhan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas siasatan awal Jabatan Kerja Raya (JKR) yang mendapati berlaku unsur-unsur penyelewengan dalam kerja pembaikan SJKC Kung Yu di Muar, Johor seperti yang didakwa sebelum ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, laporan awal tersebut menunjukkan berlaku salah bayaran dan kerja yang tidak sesuai.

Bagaimanapun, perkara berkenaan juga bergantung kepada laporan akhir yang akan diserahkan oleh JKR kepadanya dalam tempoh dua minggu lagi.

Pada pertengahan bulan lalu, Tee Keat yang juga Naib Presiden MCA dilaporkan secara terbuka mendakwa terdapat para pegawai kerajaan melesapkan wang peruntukan khas untuk beberapa buah SJKC di Johor.